

Sikap tak peduli kita dorong kes dera kanak-kanak berleluasa

Noor
Mohamad
Shakil Hameed



BELUM lagi reda isu penderaan dan kematian adik Syafiah Humairah Sahari yang berusia 3 tahun dan K Haresyarren berusia 18 bulan, kita dikejutkan pula dengan berita perkahwinan membabitkan kanak-kanak.

Siti Nur Zubaidah Hussin yang baru saja berusia 11 tahun dipaksa berkahwin dengan seorang lelaki dewasa dan lebih malang lagi perkahwinan ini diwalikan oleh bapa kandungnya sendiri. Sebagai manusia yang waras, kita boleh bayangkan apalah nasib masa depan kanak-kanak ini dan pada usia yang begitu muda, sejauh manakah dia mengerti makna sebuah perkahwinan.

Kita juga pasti budak ini masih mentah dan belum bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai seorang isteri. Apa yang jelas perkahwinan ini menyalahi undang-undang syariah negara kita kerana pernikahan itu dilakukan tanpa kebenaran secara bertulis mahkamah syariah dan lebih jelas lagi, mengikut Seksyen 8, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Kelantan 2002, pasangan wanita berumur bawah 16 tahun perlu mendapat kebenaran bertulis daripada mahkamah syariah.

Walaupun aspek undang-undang

nya sangat jelas, kita masih hairan kenapa perkara sebegini masih terus membelenggu dan menghantui masyarakat kita? Kenapa kita begitu mudah taksud dan terpedaya dengan individu yang sering kali menyalahgunakan pegangan agama atau imej warak?

Belum cukupkah dengan pelbagai pendedahan mengenai ajaran sesat dan salah laku yang dibuat oleh individu mahupun kumpulan yang menggelar diri mereka sebagai nabi. Isu begini juga terus mencemarkan institusi agama serta nama baik ulama di negara kita.

Kejadian yang menimpa kanak-kanak di negara kita dewasa ini sangat merisaukan semua pihak. Kita khuatir jika insiden sebegini tidak dibendung segera, suatu hari nanti bilangan kanak-kanak di negara kita akan semakin pupus.

Sikap tidak peduli dan tidak endah dengan apa yang berlaku di sekeliling kita dilihat sebagai antara punca utama kejadian sebegini terus berleluasa. Kita masih dengan budaya selagi tidak kena batang hidung sendiri maka tiada apa dan tidak peduli dengan apa yang berlaku.

Budaya tidak peduli, lepas tangan dan tidak mengapa ini jelas mula menular menjadi wabak yang serius dalam masyarakat kita. Virus ini jika tidak diubah atau dibendung segera, kita khuatir pelbagai lagi insiden lebih dahsyat dan menggerunkan boleh berlaku dalam masyarakat kita.

Kita perlu mengubah pemikiran dan gaya hidup supaya menjadi ma-

sarakat yang lebih prihatin dan responsif dengan apa yang berlaku di sekitar kita. Tidak salahnya dalam hal begini kita menyibuk dan mengambil tahu tepi kain orang lain asalkan ia demi kesejahteraan bersama.


Hukuman berat dari segi undang-undang ternyata masih belum mampu membendung kes sebegini daripada terus berulang. Maka alternatif yang kita ada hanyalah perubahan sikap dan tingkah laku masyarakat kita yang perlu dilaksanakan segera.

Justeru, di samping kita begitu asyik dalam menegakkan undang-undang yang ada, kita juga wajar memberi perhatian kepada usaha untuk mendidik masyarakat kita menjadi masyarakat penyayang dan lebih responsif kepada masalah sosial yang melanda negara kita.

Pihak yang bertanggungjawab dalam hal ini perlu melihat perubahan sikap sebagai suatu aspek penting dengan langkah untuk memupuk budaya masyarakat penyanggah perlu dilipat gandakan.

Masyarakat kita perlu disedarkan segera kesan yang bakal menimpa generasi masa depan jika masalah sosial ini tidak dibendung secepat mungkin. Semoga beberapa insiden yang berlaku ini dapat menyedarkan kita seterusnya mengubah kita menjadi masyarakat yang lebih bertanggungjawab.

Penulis ialah Penolong Pendaftar Kanak Pusat Kesihatan Universiti di UPM



KITA wajar memberi perhatian kepada usaha mendidik masyarakat menjadi penyayang dan lebih responsif kepada masalah sosial di negara ini.